


Subsidi petrol ditangguh sehingga rakyat faham

Dewi Nur Harasha Alias, Astro Awani | Diterbitkan pada Disember 30, 2019 17:47 MYT



Menurut Saifuddin, walaupun ditangguhkan, Program Subsidi Petrol bersifat terbuka sehingga sampai masa pelaksanaannya diumumkan kelak. - Gambar fail

BUKIT MERTAJAM: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan melipat gandakan usaha penerangan berhubung Program Subsidi Petrol (PSP) kepada rakyat sehingga kerajaan memutuskan pelaksanaannya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, walaupun ditangguhkan, PSP bersifat terbuka sehingga sampai masa pelaksanaannya diumumkan kelak.

Menurut beliau, semua persiapan ke arah pelaksanaan PSP sudah dilakukan sejak awal tahun ini.

Bagaimanapun, kerajaan, kata Saifuddin, memutuskan supaya penerangan perlu dibuat sehingga benar-benar difahami rakyat sebelum PSP dikuatkuasakan.

"KPDNHEP sudah sedia, namun ia harus ditingkat penerangan... sampai bila? Sehingga Kabinet ber arahan selanjutnya," kata Saifuddin kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan persekolahan pada program *Back To School* bersama Mydin di Pasaraya Mydin di Jalan Baru, pada Isnin.

Berikut penangguhan pelaksanaan PSP, semua pihak, kata Saifuddin, akan terus menikmati harga subsidi sedia ada iaitu RM0.30 sen seliter bagi petrol Ron95 berdasarkan sistem sedia ada.

Terdahulu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam kenyataan pada Isnin memaklumkan, Kabinet memutuskan supaya pelaksanaan PSP tidak diteruskan dahulu sehingga ditentukan kelak.

Keputusan yang dibuat pada 18 Disember lalu itu bagi memberi ruang penerangan dan penjelasan kepada rakyat.

Kerajaan pada 7 Oktober lalu telah mengumumkan pelaksanaan PSP bermula Januari 2020 seiring manifesto Pakatan Harapan.

Sejumlah RM2.4 bilion diperuntukkan kerajaan bagi pelaksanaan PSP menerusi Belanjawan 2020 dengan jumlah penerima manfaat seramai lapan juta orang daripada kelompok B40 dan M40.

